

# IQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



### **Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



### **Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying**

PTAR Cawangan Johor - muka 15



### **Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy**

PTAR Cawangan Johor - muka 16



### **Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik**

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22



### **100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca**

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



Promosi@PTAR



# Apakah Peranan Pustakawan?

*Amalan dan tabiat membaca amat penting sebagai asas untuk memperoleh ilmu pengetahuan demi menjayakan pembelajaran sepanjang hayat. Melalui pembacaan, seseorang itu bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan. Pada Pandangan tuan/puan, apakah peranan perpustakaan dalam menggalakkan tabiat membaca di kalangan warga universiti.*

“

*Perpustakaan mestilah dijadikan sebagai “Rumah Kedua” bagi pengguna-pengguna di perpustakaan dengan mewujudkan ruang-ruang yang bersesuaian dengan suasana pembelajaran yang selesa serta kondusif. Di samping itu juga, koleksi-koleksi yang terdapat di perpustakaan mestilah koleksi-koleksi yang terkini serta berkualiti dari segi isi kandungannya supaya ia menjadi salah satu rujukan utama kepada pengguna dalam menghasilkan tugas yang berkualiti serta berimpak tinggi dan secara tidak langsung ianya boleh dijadikan sebagai kayu pengukur dalam menggalakkan tabiat membaca dikalangan pengguna perpustakaan itu sendiri.*

## **Sedikit perkongsian kepakaran melalui pengalaman beliau:**

*Pengalaman lebih 9 tahun sebagai Ketua di Unit Perkhidmatan Pelanggan di 2 buah kampus yang berbeza telah memberikan pelbagai kenangan dan pembelajaran yang boleh diambil sebagai panduan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan yang lebih cemerlang. Sebagai pegawai yang bertugas di Perkhidmatan Pelanggan, kita perlu sentiasa cekap serta faham bagaimana cara untuk berurusan dengan pelanggan perpustakaan supaya kepuasan dan kegirangan hati pelanggan dapat dijadikan sebagai petunjuk prestasi bagi Unit Perkhidmatan Pelanggan. Selain itu, kita juga perlu bijak mengenalpasti apakah kehendak pelanggan perpustakaan lebih-lebih lagi mahasiswa-mahasiswi berkaitan dengan koleksi-koleksi bahan bacaan yang perlu ada di perpustakaan. Dengan cara ini secara tidak langsung, hubungan antara staf dan juga pengguna akan lebih mesra dan rapat, seterusnya program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak perpustakaan akan mendapat sambutan serta impak yang baik kepada mereka terutamanya dalam membudayakan minat membaca di kalangan mereka.*



**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**

**32**